

05 SEP 1997

## RM60 BILION ADALAH DANA PERSEDIAAN, KATA PERDANA MENTERI

Oleh: Siti Hawa Othman dan Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak akan menggunakan pakej dana penyelamat RM60 bilion untuk menyokong pasaran saham jika prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bertambah baik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Wang itu adalah dana persediaan," katanya dalam sidang berita di hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau menambah pantulan di BSKL hari ini, "tidak berkaitan" dengan dana itu.

"Jika pasaran bertambah baik tanpa membelanjakan dana RM60 bilion itu...kita tidak perlu menggunakannya," kata Dr Mahathir.

Hasil bagi dana itu datang daripada Khazanah Nasional Bhd, Dana Pencen, Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF).

Kegiatan membeli saham murah terpilih oleh dana tempatan dan pelabur runcit menaikkan tanda aras BSKL, Indeks Komposit naik 90.47 mata atau 12.37 peratus kepada 821.59 pada penutupan hari ini dalam jumlah perniagaan besar.

Mengenai mesyuarat antara penasihat ekonomi kerajaan Tun Daim Zainuddin dengan 12 pengurus dana asing hari ini, beliau berkata "perbincangan telah diadakan dan kesannya mungkin dapat dilihat (dalam pasaran hari ini)."

Dr Mahathir berkata penarikan semula status penetapan terhadap 100 saham komponen Indeks Komposit tidak bermakna kerajaan akan mengendurkan arahnya ke atas penjualan serta merta terhadap pembelian hadapan RM2 juta yang diperkenalkan sebelum ini.

Bank Negara, dalam usahanya untuk mengekang spekulasi dan menggalakkan urus niaga berkaitan perdagangan yang produktif telah mengarahkan bank-bank memerhati had AS\$2 juta ke atas urus niaga penjualan serta merta terhadap pembelian hadapan ringgit bukan komersil dengan setiap pelanggan asing yang berkuatkuasa pada 4 Ogos lalu.

Urus niaga penjualan serta merta terhadap pembelian hadapan adalah perjanjian untuk membeli atau menjual mata wang pada tarikh kemudiannya manakala kadar pembelian hadapan adalah harga di mana individu bersedia untuk bertukar mata wang.

Apabila ditanya berapa lama sekatan itu akan dilaksanakan, beliau berkata: "Setakat ini saya masih tidak tahu. Kita terpaksa melihat dahulu bagaimana prestasi ringgit," tambah Mahathir.

Lewat semalam, Perdana Menteri mengumumkan langkah-langkah terbaru yang diperkenalkan untuk mengekang jualan pendek dan manipulasi dalam pasaran saham telah membuahkan hasil.

Sekatan-sekatan itu ditarik balik hari ini. Bagaimanapun, kegiatan pengaturan jualan pendek dan pemberian pinjaman sekuriti masih dilarang sehingga arahan seterusnya dikeluarkan, umum Bursa Saham Kuala Lumpur awal hari ini.

Ia menyatakan arahan penetapan 100 saham komponen Indeks Komposit BSKL akan ditarik balik dan berkuat kuasa pada 9.30 pagi hari ini.

Mengenai dakwaan bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) lambat untuk membentuk pakej penyelamat ekonomi Thailand, beliau berkata, "mereka memberikan tindak balas tetapi saya bimbang ia akan membebaskan Thailand."

Ini adalah kerana baht Thai menyusut sebanyak 30 peratus yang bermakna pinjaman AS\$16 bilion terpaksa dibayar 30 peratus lagi dan pembayarannya "akan mengambil masa yang sangat lama."

Tambahan lagi, Thailand terpaksa menanggung faedah tambahan ke atas pinjaman berikutan penyusutan baht.

"Ia tidak begitu membantu kerana Thailand tidak sepatutnya dilayan seperti itu," katanya.

"Seperti yang anda tahu syarikat kewangan terpaksa ditutup dan semua perkara berlaku di Thailand termasuk kehilangan pekerjaan. Adakah itu dinamakan membantu?," beliau bertanya. -- BERNAMA

AD/SHO ZK/sia